




POLISI PEMBERI MAKLUMAT

SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.
(453286-D)

UNIT INTEGRITI



	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/2
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
MUKA SURAT			

NOTIS PENAFIAN

Polisi ini adalah hak milik Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (“SATU”) dan telah disediakan untuk kegunaan eksklusif Pengarah dan staf SATU.


Polisi ini diadaptasi daripada Terengganu Inc. dan telah diubahsuai untuk kegunaan dalaman SATU.

PINDAAN

Wakil pihak pengurusan adalah bertanggungjawab dalam mengemaskini dan meminda Polisi ini terhad kepada setakat yang berkenaan sahaja.

Pindaan terhadap Polisi tertakluk kepada had kuasa yang dinyatakan dalam Had Kuasa SATU.


Diluluskan dan diterima pakai oleh Lembaga Pengarah SATU pada Mesyuarat
Lembaga Pengarah No. 3 (3/2025) yang diadakan pada 25 September 2025

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/2
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	


REKOD PINDAAN

Halaman ini digunakan untuk mencatat setiap pindaan yang dibuat pada dokumen ini. Semua pindaan mesti direkodkan dengan betul. Unit Integriti (“UI”) SATU bertanggungjawab mengendalikan rekod ini.

No.	Halaman / No. Bahagian	No. Semakan	Tarikh Kuat Kuasa	Penerangan	Tarikh Kelulusan
1	Muka Depan	1	25/9/2025	Penukaran Muka Depan	25/9/2025
2	Halaman 1	1	25/9/2025	Klausa Notis Penafian diubah dengan pemansuhan perenggan 3, penukaran frasa pihak pengurusan kepada Pengarah.	25/9/2025
3	Halaman 1-15	1	25/9/2025	Penukaran istilah “kakitangan” kepada “staf”, “BIG” kepada “UI” dan “KBIG” kepada “PBBIPR” untuk keseluruhan Polisi.	25/9/2025
4	Halaman 5	1	25/9/2025	Tambahan singkatan baru SMI, JMM & TOR JMM.	25/9/2025
5	Halaman 5	1	25/9/2025	Tambahan frasa “Rakan Perniagaan” pada klausa 2.1	25/9/2025
6	Halaman 6	1	25/9/2025	Skop Polisi diperluas meliputi “semua Pengarah, staf, rakan perniagaan, agensi luar atau mana-mana pihak yang mempunyai hubungan perniagaan atau kepentingan dengan SATU”.	25/9/2025
7	Halaman 7	1	25/9/2025	Pemansuhan definisi SATU, penambahan definisi baru Rakan Perniagaan & Pihak Ketiga serta	25/9/2025


	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/2
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	

				penukaran definisi Pengarah & Staf pada klausa 3.1	
8	Halaman 10	1	25/9/2025	Penambahan frasa "Pengerusi JKLIIG" pada klausa 5.1 (b) serta Penambahan klausa 5.1 (d) & (e)	25/9/2025
9	Halaman 11	1	25/9/2025	Pemansuhan frasa "satu atau lebih" pada klausa 7.1.	25/9/2025
10	Halaman 11	1	25/9/2025	Penambahan klausa 7.0 (d) & klausa 7.7	25/9/2025
11	Halaman 11	1	25/9/2025	Pemansuhan frasa pada klausa 7.4 "tidak akan dilayan untuk mengelakkan pelaporan berniat jahat, surat layang, eksploitasi dan penganiayaan".	25/9/2025
12	Halaman 12	1	25/9/2025	Penambahan klausa 9.1 (d)	25/9/2025
13	Halaman 13	1	25/9/2025	Perubahan frasa pada klausa 9.4 "Pelanggan, kontraktor, subkontraktor, perunding, ejen, pembekal, vendor dan juga orang awam" kepada "semua".	25/9/2025
14	Halaman 14 & 15	1	25/9/2025	Perubahan ayat pada klausa 10.1, pemansuhan frasa pada klausa 10.2 & 10.3, perubahan ayat pada klausa 10.5 & 10.6, penambahan klausa 10.7, & 10.8	25/9/2025
15	Halaman 16	1	25/9/2025	Penambahan item pada klausa 13.1 (b), (c), (d), (e), (f), (g), (h), (i) & (j)	25/9/2025
16	Halaman 17	1	25/9/2025	Perubahan carta alir pada Lampiran I	25/9/2025

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/2
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	


ISI KANDUNGAN

NOTIS PENAFIAN	1
PINDAAN	1
REKOD PINDAAN	2
ISI KANDUNGAN	4
SINGKATAN	5
1.0 OBJEKTIF.....	6
2.0 SKOP	6
3.0 DEFINISI.....	7
4.0 AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 (AKTA 711).....	9
5.0 PENERIMA YANG DILANTIK.....	11
6.0 KELAKUAN TIDAK WAJAR.....	11
7.0 SALURAN KOMUNIKASI.....	12
8.0 BUKTI YANG DIPERLUKAN.....	13
9.0 KERAHSIAAN DAN PERLINDUNGAN.....	13
10.0 PENILAIAN DAN PENYIASATAN	15
11.0 PEMANTAUAN DAN SEMAKAN POLISI INI.....	17
12.0 TARIKH KUATKUASA.....	17
13.0 RUJUKAN	17
LAMPIRAN I CARTA ALIRAN PENGURUSAN ADUAN DAN SIASATAN.....	18
LAMPIRAN II BORANG PEMBERI MAKLUMAT.....	19

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/2
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	

SINGKATAN

ALP	:	Ahli Lembaga Pengarah
JKLIG	:	Jawatankuasa Lembaga Integriti & Governans
JMM	:	Jawatankuasa Menilai Maklumat
KPE	:	Ketua Pegawai Eksekutif
MPSM	:	Manual Pengurusan Sumber Manusia
PBBIPR	:	Pengurus Besar Bahagian Integriti & Pengurusan Risiko
SATU	:	Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.
SMI	:	Seksyen Modal Insan
SPRM	:	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
TOR JMM	:	Terms of Reference Jawatankuasa Menilai Maklumat
UI	:	Unit Integriti


	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/2
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	

1.0 OBJEKTIF

- 1.1 Polisi ini bertujuan untuk menyokong secara langsung keperluan Nilai Teras, Etika Perniagaan dan Tadbir Urus dalam urusan seharian syarikat. SATU meletakkan nilai kepercayaan dan integriti yang tinggi terhadap setiap stafnya. Polisi ini adalah salah satu cara untuk menggalakkan dan membolehkan staf atau pihak lain untuk mengemukakan kebimbangan yang sah/munasabah untuk disiasat secara objektif dan dapat ditangani dalam SATU.
- 1.2 Polisi ini menyediakan ruang alternatif bagi orang ramai untuk mengemukakan kebimbangan jika talian komunikasi sedia ada tidak boleh digunakan. Tiada apa-apa dalam Polisi ini boleh mengganggu Polisi dan proses operasi lain yang ditetapkan oleh SATU.
- 1.3 SATU menggalakkan staf atau pihak berkepentingan untuk membuat sebarang pendedahan secara terbuka dan jujur. Kebimbangan atau aduan yang dikemukakan akan dilayan secara adil dan sewajarnya.

2.0 SKOP


- 2.1 Polisi ini terpakai untuk semua Pengarah, staf, rakan perniagaan, agensi luar atau mana-mana pihak yang mempunyai hubungan perniagaan atau kepentingan dengan SATU adalah digalakkan untuk melaporkan kebimbangan atau aduan mengenai pelanggaran kewajipan undang-undang, ketidakadilan, risiko terhadap kesihatan, keselamatan dan persekitaran atau menutupi mana-mana perkara ini di tempat kerja.

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/2
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	


3.0 DEFINISI

3.1 Definisi berikut akan digunakan secara keseluruhan Polisi kecuali dinyatakan sebaliknya:

- (a) " Staf " bermaksud mana-mana orang yang bekerja di SATU termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak pengurusan, staf tetap, kontrak, eksekutif, bukan eksekutif, dan individu yang diambil secara langsung;
- (b) "Pengarah" bermaksud mana-mana orang yang dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah SATU atau mana-mana staf SATU yang dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah di dalam kumpulan Terengganu Inc.;
- (c) "Whistleblowing" - ini berlaku apabila rakan perniagaan, pihak ketiga, atau staf mengemukakan kebimbangan mengenai aktiviti berbahaya atau menyalahi undang-undang atau kelakuan tidak wajar yang disedari olehnya melalui kerja / urusannya.
- (d) "Pemberi Maklumat" - seseorang yang mendedahkan atau melaporkan kesalahan tersebut.
- (e) "Pendedahan" - sesuatu (seperti maklumat) yang diberitahu atau didedahkan.
- (f) "Polisi" merujuk kepada "Polisi Pemberi Maklumat SATU".
- (g) "Rakan Perniagaan" adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada pelanggan, pembekal luar, kontraktor, sub-kontraktor, vendor, konsultan, ejen, agensi kewangan atau mana-mana pihak yang dilantik bagi menjalankan perkhidmatan untuk/bagi pihak SATU atau mempunyai kepentingan dengan SATU.


	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/2
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	

(h) “Pihak Ketiga” adalah seseorang atau badan yang tidak mempunyai hubungan rasmi dan perniagaan dengan SATU seperti masyarakat awam, komuniti, badan kebajikan, persatuan, kelab atau mana-mana pihak yang tidak dilantik bagi menjalankan perkhidmatan untuk/ bagi pihak SATU.


	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/2
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	

4.0 AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 (AKTA 711)

- 4.1 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) telah diluluskan di Parlimen pada 6 Mei 2010 bertujuan untuk memerangi rasuah dan salah laku dengan menggalakkan dan memudahkan pendedahan Kelakuan Tidak Wajar dalam sektor awam dan swasta terutamanya salah laku berkaitan jenayah.
- 4.2 Akta ini menggalakkan dan memudahkan orang awam untuk mendedahkan sebarang perbuatan rasuah dan salah laku lain serta mendapat perlindungan.
- 4.3 Akta ini memperuntukkan perlindungan kepada pemberi maklumat iaitu melibatkan maklumat sulit Pemberi Maklumat, perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan serta kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah yang mungkin dihadapi oleh Pemberi Maklumat setelah membuat pendedahan kepada agensi penguatkuatkuasa.
- 4.4 Akta ini memberi kuasa kepada agensi penguatkuasaan untuk menjalankan penyiasatan terhadap kelakuan tidak wajar dan terhadap aduan tindakan yang memudaratkan serta memberi kuasa kepada pihak mahkamah untuk membuat perintah bagi apa-apa remedi.
- 4.5 Antara jenis-jenis perlindungan yang diperuntukkan di bawah Akta 711 adalah:
- (a) [Seksyen 7(1)(a)]-Identiti pemberi maklumat serta maklumat yang diberikan adalah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan kepada sesiapa pun termasuk semasa perbicaraan di mahkamah;
 - (b) [Seksyen 7(1)(b)]-Pemberi maklumat tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan sivil, jenayah atau tatatertib akibat daripada pendedahan maklumat tersebut;

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/2
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	

-
- (c) [Seksyen 7(1)(c)]-Pemberi maklumat dilindungi daripada sebarang tindakan yang memudaratkan hasil tindak balas pendedahan yang dibuat;
- (d) [Seksyen 7(2)]-Pemberi maklumat tidak terjejas sekiranya pendedahan tidak wajar itu tidak membawa kepada apa-apa tindakan tatertib atau pendakwaan terhadap orang yang didedahkan; dan
- (e) [Seksyen 7(3)]-Perlindungan turut diberikan kepada mereka yang mempunyai kaitan/ hubungan dengan pemberi maklumat.


	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/2
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	

5.0 PENERIMA YANG DILANTIK

- 5.1 Secara umumnya, semua pendedahan menurut Polisi ini harus dibuat kepada Penerima Yang Dilantik seperti di bawah:
- (a) Pengurus Besar Bahagian Integriti & Pengurusan Risiko atau;
 - (b) Pengarah yang dilantik (Pengerusi JKLIG) atau;
 - (c) Eksekutif Bahagian Integriti
 - (d) Polisi ini melarang pendedahan dibuat kepada KPE, Ketua Bahagian, Ketua Seksyen, SMI, Penyelia atau selain daripada yang tertera di atas.
 - (e) Sekiranya pengadu tidak ingin membuat pendedahan kepada penerima yang dilantik, pengadu boleh membuat aduan secara terus kepada SPRM.


6.0 KELAKUAN TIDAK WAJAR

- 6.1 Perkara berikut merupakan "Kelakuan Tidak Wajar" di bawah Polisi ini:
- (a) Kejadian penipuan atau rasuah;
 - (b) Kelakuan atau aktiviti yang melanggar undang-undang atau peraturan;
 - (c) Pelanggaran polisi-polisi SATU, amalan, prosedur atau peraturan tatakelakuan yang lain;
 - (d) Penyelewengan dalam hal pelaporan kewangan; dan
 - (e) Situasi yang membahayakan kesihatan, keselamatan atau mana-mana individu atau bahaya yang berkaitan dengan alam sekitar.
- (Kelakuan tidak wajar yang lain seperti diperuntukkan dalam Manual Pengurusan Sumber Manusia).

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/2
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	

7.0 SALURAN KOMUNIKASI

- 7.1 Pendedahan maklumat harus dibuat secara awal dan segera oleh Pemberi Maklumat kepada Penerima Yang Dilantik.
- 7.2 Pendedahan/laporan boleh dibuat ke salah satu saluran pelaporan khusus berikut:-
- (a) Aduan menerusi pautan di laman web satuwater.com.my.
 - (b) Dengan menghantar e-mel di:
whistleblower@satuwater.com.my.
 - (c) Dengan menulis atau bertemu sendiri dengan Ketua Bahagian Integriti Governans di Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd., Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu.
 - (d) Dengan menghantar e-mel di:
chairmanBAC@satuwater.com.my sebaik-baiknya aduan yang melibatkan **Ketua Bahagian, KPE dan Ahli Lembaga Pengarah** sahaja.
- 7.3 Untuk memastikan maklumat yang diterima lengkap, pemberi maklumat digalakkan untuk menggunakan Borang Pemberi Maklumat (lihat **Lampiran II**).
- 7.4 Semua pendedahan yang dibuat di bawah Polisi ini akan ditangani secara rahsia. Pendedahan yang diterima tanpa nama juga diambilkira, berdasarkan kesahihan maklumat yang diberikan.
- 7.5 Pemberi Maklumat diminta menyatakan maklumat yang jelas tentang nama, identiti, dan nombor telefon. Ini akan memudahkan penyiasat untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut, jika diperlukan dan memaklumkan hasil siasatan kepada Pemberi Maklumat.
- 7.6 Pemberi Maklumat yang ingin menarik balik pendedahannya diminta untuk menghantar e-mel kepada whistleblower@satuwater.com.my.

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/2
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	


7.7 Sekiranya seseorang ingin membuat pendedahan tanpa melibatkan diri untuk menjadi Pemberi Maklumat, UI akan menjadi Pemberi Maklumat/Pengadu secara rasmi menggantikan individu tersebut berdasarkan kepada Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat SPRM mengenai pernyataan umum bahawa SPRM menerima maklumat daripada pemberi maklumat yang tidak dikenali.

8.0 BUKTI YANG DIPERLUKAN

- 8.1 Pemberi Maklumat seharusnya dapat memberikan maklumat mengenai jenis aktiviti atau tingkah laku, identiti orang yang disyaki terlibat, ketika ia berlaku dan siapa yang terjejas.
- 8.2 Pemberi Maklumat hendaklah menyertakan bukti seperti gambar atau sebarang dokumen jika ada bagi membantu siasatan.
- 8.3 Pemberi Maklumat mesti mempunyai pengetahuan langsungnya atau maklumat mengenai fakta, iaitu maklumat yang diperolehi dari pihak ketiga atau “khabar angin” tidak akan dilayan. Bagaimanapun, Pemberi Maklumat tidak seharusnya berputus asa untuk membuat laporan kerana mereka tidak pasti sama ada terdapat bukti yang mencukupi untuk menyokong dakwaan mereka.

9.0 KERAHSIAAN DAN PERLINDUNGAN

- 9.1 Pemberi Maklumat harus menyatakan identiti dirinya semasa mengemukakan aduan/pendedahan. Setelah membuat pendedahan itu dengan suci hati:
 - (a) Pemberi Maklumat akan dilindungi dari tindakan dalaman SATU sebagai akibat langsung kerana pendedahan yang dibuatnya. (“Tindakan dalaman” merangkumi tindakan tatatertib seperti penurunan pangkat dan pemecatan);
 - (b) Segala bentuk tindakan balas terhadap individu yang telah melaporkan salah laku atau yang telah memudahkan penyiasatan adalah melanggar kewajipan utama semua staf

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/2
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	

untuk menegakkan nilai dan integriti yang tinggi;

- (c) Identiti Pemberi Maklumat hendaklah dilindungi selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, iaitu dirahsiakan melainkan dikehendaki sebaliknya oleh undang-undang atau untuk tujuan apa-apa prosiding oleh atau terhadap SATU; dan


9.2 Perlindungan di bawah 9.1 di atas hanya akan diberikan oleh SATU apabila Pemberi Maklumat memenuhi semua syarat-syarat berikut:

- (a) Pendedahan itu dilakukan dengan suci hati;
- (b) Pemberi maklumat sedar bahawa maklumat dan segala dakwaan yang didedahkan adalah benar;
- (c) Pemberi maklumat belum menyampaikan pendedahan itu kepada pihak lain yang tidak berkaitan dengan pendedahan tersebut ; dan
- (d) Pendedahan yang dibuat bukan untuk keuntungan dan kepentingan peribadi.

9.3 SATU memandang serius terhadap sebarang dakwaan/tuduhan palsu, berniat jahat atau fitnah. Ini boleh dianggap sebagai salah laku yang besar di mana tindakan tatatertib yang sewajarnya boleh diambil oleh SATU.


9.4 Semua yang menjadi Pemberi Maklumat juga akan dilindungi oleh SATU mengenai identiti dirinya dengan syarat memenuhi semua syarat di 9.2 di atas.

9.5 Perlindungan oleh SATU adalah terhad. Sekiranya Pemberi Maklumat ingin mendapatkan perlindungan di bawah Akta 711 perlu berurusan dengan pihak berkuasa secara terus sahaja.

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/2
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
MUKA SURAT			


10.0 PENILAIAN DAN PENYIASATAN

- 10.1 Penerima yang dilantik, hendaklah mengetuai penyiasatan dan memberi pengesyoran jika salah laku memang dilakukan. Penerima yang dilantik hendaklah melaporkan kepada JMM untuk penilaian awal.
- 10.2 Sekiranya terdapat pendedahan salah laku terhadap KPE atau Pengarah Yang Dilantik hendaklah memutuskan sama ada siasatan akan dijalankan secara dalaman atau luaran atau mengikut Prosedur MPSM.
- 10.3 Jika pendedahan yang melibatkan KPE atau Pengarah, Pengarah yang Dilantik boleh membentuk Jawatankuasa Lembaga secara *ad hoc* untuk menyiasat, menilai dan menguruskan kes *pemberi maklumat*.
- 10.4 Proses penyiasatan perlu dirujuk kepada Prosedur Kerja Pengurusan Aduan dan Siasatan.
- 10.5 Penilaian awal hendaklah dilakukan oleh JMM bagi setiap aduan rasmi yang diterima mengikut TOR JMM.
- 10.6 Polisi ini juga melarang pemberi maklumat mendedahkan kepada mana-mana orang tentang apa-apa maklumat yang didedahkan kepada UI.
- 10.7 JMM mempunyai kuasa untuk membuat keputusan yang berikut, dengan syarat keputusan tersebut termasuk dalam had kuasa JMM.
 - (a) Penolakan pendedahan;
 - (b) Menyatakan kebimbangan atau mana-mana bahagian berkaitan untuk dipertimbangkan di bawah prosedur dalaman atau prosedur tatatertib lain, jika sesuai dan boleh diguna pakai;
 - (c) Penyelesaian tanpa melalui penyiasatan;
 - (d) Mengarahkan penyiasatan mengenai pendedahan itu dan mana-mana orang yang terlibat atau dikaitkan;

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/2
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	

-
- (e) Melantik mana-mana orang lain, selain daripada Penerima Yang Dilantik, di dalam atau di luar SATU untuk menjalankan sebarang penyiasatan atau menjalankan proses lain mengikut Polisi ini;
 - (f) Mendapatkan sebarang bantuan lain (contohnya, juruaudit luar atau nasihat perundangan); dan
 - (g) Rujukan kepada polis atau mana-mana pihak berkuasa penguatkuasaan lain yang sesuai.

10.8 Carta aliran untuk *Whistleblowing* seperti ditunjukkan di **Lampiran I**.

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/2
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
MUKA SURAT			

11.0 PEMANTAUAN DAN SEMAKAN POLISI INI


- 11.1 PBBIPR hendaklah menyelenggara daftar untuk semua pendedahan yang dibuat di bawah Polisi ini. Semua dokumen yang diperoleh mengenai pendedahan hendaklah dianggap "Sulit" dan disimpan dengan selamat di bawah bidang kuasa PBBIPR selama (7) tujuh tahun, atau lebih lama sebagaimana yang dipersetujui oleh JKLIG.
- 11.2 PBBIPR hendaklah, pada setiap suku tahun, mengemas kini kepada JKLIG dan Lembaga Pengarah mengenai statistik tentang pendedahan tersebut seperti jumlah pendedahan yang diterima sehingga kini dan jenis pendedahan tersebut, status penyiasatan, dan kemas kini lain yang berkaitan.
- 11.3 Polisi ini akan dikaji semula untuk menunjukkan sebarang perubahan dalam undang-undang dan garis panduan yang berkaitan. Sebarang perubahan yang dicadangkan kepada Polisi ini hendaklah disediakan oleh PBBIPR dan dibentangkan kepada JKLIG untuk kelulusan.

12.0 TARIKH KUATKUASA






- 12.1 Polisi ini akan berkuatkuasa serta-merta.


13.0 RUJUKAN

- 13.1 Polisi ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan polisi SATU yang sedia ada terpakai.
- a) MPSM
 - b) Polisi CSR, Tajaan & Sumbangan
 - c) Polisi Tiada Hadiah
 - d) Polisi Anti Rasuah dan Korupsi
 - e) Kod Etika Perniagaan (COBE)
 - f) PK Pengecualian Penerimaan Hadiah
 - g) PK Pemberi Maklumat
 - h) PK Pengendalian CSR, Tajaan dan Sumbangan
 - i) PK Pengisytiharan Konflik Kepentingan
 - j) PK Pengurusan Aduan dan Siasatan

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/2
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	


LAMPIRAN I CARTA ALIRAN PENGURUSAN ADUAN DAN SIASATAN


T/JAWAB	CARTA ALIR	PENERANGAN	RUJUKAN/REKOD
			
UI	Menerima aduan/maklumat	UI menerima aduan/maklumat melalui saluran aduan Pemberi Maklumat.	
UI	Aduan/maklumat dibentangkan di JMM	UI membentangkan aduan/maklumat yang diterima kepada JMM untuk penilaian.	Rujuk TOR JMM
JMM		JMM perlu menilai aduan/maklumat dan menentukan sama ada kes berada di bawah bidang kuasa BIG. Aduan/maklumat yang tidak beres akan ditutup.	Rujuk TOR JMM
UI		JMM membuat keputusan sama ada BIG perlu menjalankan siasatan atau menyalurkan aduan/maklumat kepada pihak berkaitan di dalam SATU atau agensi penguatkuasa.	
UI		A: UI membuka kertas P&P untuk menjalankan siasatan. Tempoh siasatan bergantung kepada jenis & tahap keseriusan kes.	Rujuk rekod Integriti Aduan
UI	Pengumpulan bukti	UI menemu bual saksi, OKT dan pihak berkaitan, membuat pemeriksaan tempat/kawasan, dokumen dan rekod, pengesahan fakta dan analisis bukti luaran dan dalaman.	
UI	Penyediaan laporan P&P	UI menyediakan laporan hasil dapatan siasatan, menyertakan cadangan tindakan disiplin atau perundangan jika perlu & edar salinan laporan siasatan kepada KPE untuk makluman. Sebarang pengesyoran KPE akan dinilai oleh JMM.	
JMM	Keputusan JMM	Berdasarkan laporan UI, JMM membuat pengesyoran tindakan sama ada tindakan tatatertib atau tindakan susulan oleh pihak berkaitan/ agensi penguatkuasa.	Rujuk TOR JMM
KMI	Tindakan tatatertib	KMI mengambil tindakan tatatertib mengikut Manual Pengurusan Sumber Manusia (MPSM).	
PBBIPR		PBBIPR membentangkan laporan kepada JMM dan JKLIIG (laporan & dokumen berkaitan adalah SULIT). UI akan mengambil tindakan susulan sekiranya terdapat pengesyoran daripada JMM dan JKLIIG sehingga kes ditutup.	

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/2
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	

LAMPIRAN II BORANG PEMBERI MAKLUMAT

SEKSYEN 1

	BORANG PEMBERI MAKLUMAT		SATU/BIG/___ / ___
LAPORAN PEMBERI MAKLUMAT			
Tarikh & Masa Kejadian	Tarikh:	Masa:	
Tempat Kejadian			
Nama individu yang ingin diadukan dan Syarikat/Bahagian individu tersebut			
Apakah isu yang berlaku (Rasuah/Integriti/Tadbir Urus/Lain-lain)? (Sila isikan di ruangan sebelah yang berkaitan)			
Bagaimana insiden atau isu tersebut berlaku?			
Maklumat saksi (jika ada)			
Bukti (jika ada)			
PENGESAHAN			
<p>Saya dengan ini mengesahkan bahawa pendedahan di atas dibuat secara sukarela dan adalah benar sepanjang pengetahuan, maklumat dan kepercayaan saya.</p>			
Tandatangan : _____	Tarikh	: _____	
Nama : _____	No. Tel.	: _____	
Bahagian : _____	Emel	: _____	

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/2
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	

SEKSYEN 2

	BORANG PENERIMA PEMBERI MAKLUMAT		SATU/BIG/___ / ___
	UNTUK KEGUNAAN PENERIMA PEMBERI MAKLUMAT		NO. ADUAN:
Diterima oleh:		Tarikh diterima:	
Tindakan aduan:	<input type="checkbox"/> Aduan diterima / Laporan JMM	<input type="checkbox"/> Aduan ditolak	
Ulasan jika ditolak : <hr/> <hr/> <hr/>			
Siasatan Diperlukan (Ya/Tidak)? (jika tidak, sila nyatakan sebabnya) <hr/> <hr/> <hr/>			
Tindakan Diambil/Kesimpulan: <hr/> <hr/> <hr/> <hr/> <hr/>			
Pegawai yang melakukan siasatan: Tandatangan: _____ Nama : _____ No. Tel. : _____			



Unit Integriti

 **Syarikat Air Terengganu Sdn, Bhd.**
Jalan Sultan Ismail,
20200 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman.

 **09-6201111 & 09-6214111**

 **09-6201104**

Care for Life and Beyond